

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

Latihan Mengejut Kebakaran

Pada 03 Ogos 2015, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah melaksanakan latihan kebakaran bersama Bahagian Keselamatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Perkongsian tips cara-cara menyelamatkan diri dari kebakaran telah disampaikan oleh Encik Shahrome Shahadan. Latihan kebakaran secara mengejut itu juga secara kebetulan disertai oleh Profesor Dr. Wahid Razzaly yang pada ketika itu sedang mengadakan Mesyuarat Dwi-Mingguan di War Room ORICC. Beliau turut mempelajari cara-cara memadamkan kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api. Latihan kebakaran ini telah memberi manfaat sepenuhnya kepada staf ORICC.



Bengkel Pemantapan Jawatankuasa Pelaksana Endowmen Universiti

Bengkel Pemantapan Jawatankuasa Pelaksana Endowmen Universiti telah diadakan pada 20 Ogos 2015. Bengkel ini diadakan bagi memberi penerangan dan membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti endowmen kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana Endowmen yang telah diluluskan pelantikannya. Di antara objektif penubuhan jawatankuasa ini adalah membantu Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditakrifkan sebagai di bawah bidang Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen.



Majlis Sambutan Hari Raya ORICC

Pada 20 Ogos 2015, Pejabat ORICC telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1436H/2015M. Majlis ini telah di serikan dengan kedatangan para tetamu yang terdiri daripada Profesor Dr. Wahid Razzaly, staf ORICC dan warga COE. Selain dihidangkan dengan pelbagai juadah, majlis turut diserikan dengan bacaan selawat, penyampaian hadiah pertandingan bowling Kelab RICC dan cabutan bertuah.



Lawatan TATI University College (TATiUC) ke ORICC

ORICC telah menerima kunjungan daripada TATI University College pada 25 Ogos 2015. Lawatan tersebut bertujuan untuk berkongsi maklumat dan idea-idea berkenaan pengurusan dan aktiviti Pusat-Pusat Kecemerlangan Universiti. Lawatan ini disambut oleh Profesor Dr. Rosziati Ibrahim yang turut berkongsi sedikit sebanyak mengenai pengurusan geran di Universiti. Lawatan ke COE diiringi oleh Profesor Madya Dr. Md. Saidin Wahab dimulai dengan Advanced Manufacturing and Materials Centre (AMMC), Microelectronics & Nanotechnology-Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC), Research Centre for Applied Electromagnetic (EMC) dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat.

